

GARIS PANDUAN SKIM INSENTIF HASIL PENYELIDIKAN DAN INOVASI

1.0 TUJUAN

Insentif ini adalah untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pensyarah/penyelidik yang produktif. Ia bertujuan untuk memberi galakan dan dorongan kepada para pensyarah untuk meningkatkan hasil penyelidikan masing-masing selaras dengan misi dan visi universiti. Selain itu, pemberian insentif ini adalah untuk meningkatkan penerbitan jurnal berindeks berkualiti dan buku ilmiah dan penyelidikan di semua fakulti/pusat di UPNM. Langkah ini akan meningkatkan pencapaian dan penarafan UPNM.

2.0 PANDUAN

- 2.1 Hanya ketua projek, penulis pertama atau penulis bertanggungjawab (*corresponding author*) yang mempunyai afiliasi beralamat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang tercatat pada penerbitan berkenaan sahaja yang layak memohon.
- 2.2 Bagi meningkatkan motivasi penyelidikan PPPI telah menetapkan beberapa insentif untuk penerima dana penyelidikan dan hasil penyelidikan seperti berikut:

JENIS INSENTIF	UPNM
(a) Penerima Dana Luar	Penyelidik / Kumpulan Penyelidik yang berjaya mendapat dana penyelidikan dari luar UPNM dan menyumbang ke tabung amanah PPPI akan diberi bayaran insentif khas 1% berdasarkan nilai dana yang diterima. (maksimum RM 10,000/ geran)
(b) Paten (UPNM)	Penyelidik / Kumpulan Penyelidik yang berjaya mempatenkan sesuatu produk akan diberi insentif khas berikut: i. Paten yang difailkan – RM500 (Tiada had) ii. Paten yang didaftarkan – RM1,000 (Tiada had)
(c) Pemegang Pingat Ekspo Inovasi :	Penyelidik / Kumpulan Penyelidik yang berjaya memenangi pingat di dalam mana-mana ekspo penyelidikan yang diiktiraf MyRA akan diberi insentif geran penyelidikan berjumlah: i. Pingat Emas – RM500 (maksimum RM1,000.00/setahun) ii. Pingat Perak – RM100 (maksimum RM200/setahun)
(d) Penulisan	Penyelidik / Kumpulan Penyelidik yang berjaya menghasilkan hasil penulisan penyelidikan (penulis utama atau <i>corresponding author</i> dari UPNM) akan diberi insentif-insentif berikut (per artikel): i. Jurnal Sitasi (Scopus / WOS) - RM 50.00/sitasi (maksimum RM 2,000.00/setahun)

	ii. Jurnal Berindeks (Scopus / WOS) a. Tier 1 – RM1,000 (Tiada had) b. Tier 2 – RM500.00 (Tiada had) c. Lain-lain – RM100.00 (maksimum RM 500.00/setahun) (termasuk Zulfaqar)
	iv. Jurnal berindeks (selain Scopus / WOS) – RM50.00 (maksimum RM 200.00/setahun) *tidak termasuk kertas persidangan
	iii. Buku hasil dari penyelidikan (terbitan UPNM) – RM1,000.00 (Tiada had)

- 2.3 Percanggahan Definisi Operasi akan diputuskan di peringkat PPPI.
- 2.4 Setiap permohonan bayaran insentif perlu dimajukan oleh Ketua Projek beserta bukti dan rancangan pengagihan insentif bersama ahli projek dan penyelidik atau penulis bersama atau kolaborator. Permohonan perlu disahkan di peringkat Fakulti/Pusat.
- 2.5 Keputusan bayaran akan diluluskan di peringkat Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti (JPIU) dan sebarang bantahan perlu mengembalikan bayaran berkaitan terlebih dahulu, dan akan dibawa ke JPIU selanjutnya. Keputusan JPIU seterusnya adalah muktamad.
- 2.6 Pemberian insentif ini tertakluk kepada kemampuan tabung amanah PPPI. Pada bila-bila masa Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) (TNC P&I) boleh mengumumkan penangguhan, kajian semula atau pembatalan insentif ini.
- 2.7 Kuatkuasa skim insentif ini adalah mulai tahun 2015.
- 2.8 Kelayakan menerima insentif ini adalah tertakluk kepada pencapaian tugas hakiki pensyarah/staf seperti berikut:
- a. Penilaian pembelajaran: skor 4 atau lebih
 - b. Kadar kelulusan pelajar : 80 % atau lebih
 - c. Pencapaian LPPT: 80% atau lebih

Rekod Kelulusan		Kelulusan Kajian Semula
LPU	Bil 1/2016- 26 Februari 2016	
Senat	Bil 7/2015 – 24 November 2015	56 Bil 5/2016
JPIU	Bil 3/2015 – 19 November 2015	Khas – 11 April 2016